

TINGKAT ILMU TANGANI DENGGI

Oleh Zaitie Satibi
zaisa@hmetro.com.my

Perangkaan di Malaysia mendapati kes denggi secara keseluruhan merosot berbanding tahun lalu. Namun demikian, kesan denggi dan akibatnya yang amat memudaratkan mewujudkan ancaman berterusan kepada penduduk negara ini.

Kaji selidik Asia Tenggara dijalankan GlaxoSmithKline (GSK) Consumer Healthcare mendedahkan maklumat baru berkenaan persepsi mengenai denggi apabila 80 peratus rakyat Malaysia bimbang akan ancaman penyakit ini. Kajian pertama mengenai denggi turut mendedahkan walaupun denggi menjadi kebimbangan orang ramai, tetapi kefahaman mengenai risiko, gejala dan pengurusan denggi amat terhad.



KERJASAMA pelbagai organisasi bantu meningkatkan pengetahuan melawan denggi.

Lebih separuh daripada individu yang ditinjau selidik menyatakan bahawa mereka tahu cara-cara mengesan gejala denggi dan hanya 33 peratus maklum bahawa tiada penawar bagi penyakit membawa maut itu. Paling bimbang apabila ditanya mengenai ubat yang sesuai, hampir 70 peratus rakyat Malaysia tidak sedar bahawa parasetamol ialah

satu-satunya ubat yang disyorkan untuk menangani demam denggi seperti dinyatakan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Hasil kajian memaparkan dimensi baru kepada risiko denggi di Malaysia adalah potensi lebih besar untuk tersalah diagnosis atau menguruskan penyakit secara tidak betul yang mungkin meningkatkan

kemungkinan berlaku kerumitan yang mengancam nyawa.

Pengarah Pemasaran Asia Tenggara GSK Consumer Healthcare, Heather Pelier berkata, sebahagian besar rakyat Malaysia yang ditinjau selidik mengambil langkah proaktif untuk membantu mencegah denggi, tetapi mereka tidak begitu pasti cara mengenal

gejala, langkah untuk menguruskan penyakit dan paling penting cara untuk mencari maklumat apabila dijangkiti.

"Sikap tidak pasti ini menunjukkan keperluan untuk pendidikan mengenai denggi kini semakin ketara bagi memastikan rakyat Malaysia lebih yakin dan berilmu untuk menangani gejala denggi.

"Oleh itu, dalam usaha memenuhi keperluan pendidikan denggi di seluruh Asia Tenggara kami mengumumkan jalinan kerjasama dengan empat organisasi untuk menggiatkan usaha mencegah dan menguruskan denggi menerusi kempen Bersama Melawan Denggi (AAD) yang diasaskan sejak pada 2015," katanya di ibu negara, baru-baru ini.

Empat rakan kongsi baru iaitu UCSI University Malaysia, Caring Pharmacy Group Berhad, Apex Pharmacy Marketing dan MIMS Health Today akan menyertai ahli sedia ada iaitu Persatuan Perubatan Malaysia, Persatuan Farmaseutikal Malaysia, Guardian Health & Beauty Malaysia Sdn Bhd dan GSK Consumer Healthcare.

FOTO ROHANIS SYUKRI